



# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## 75 TINDAKAN KES SEPANJANG PELAKSANAAN SKIM HARGA MAKSUM MUSIM PERAYAAN KRISMAS 2024

Perayaan Krismas telah disambut di seluruh negara pada 25 Disember 2024. Susulan itu, Kerajaan telah melaksanakan Skim Harga Maksum Musim Perayaan Krismas 2024 yang berkuat kuasa dari 23 hingga 27 Disember 2024. Pelaksanaan skim ini merupakan langkah Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dalam melindungi pengguna daripada peniaga yang tidak beretika sepanjang sambutan perayaan Krismas 2024.

Tempoh pelaksanaan skim ini adalah selama 5 hari dan berkuat kuasa 2 hari sebelum perayaan, 1 hari semasa perayaan dan 2 hari selepas perayaan. Sebanyak 9 jenis barang yang dikawal harganya di Semenanjung Malaysia dan tambahan 4 barang di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan serta tambahan 5 barang di Sarawak, menjadikan jumlah keseluruhan barang yang dikawal adalah sebanyak 14 jenis barang berserta harga maksimumnya telah diwartakan bagi pelaksanaan Skim Harga Maksum Musim Perayaan Krismas 2024.

Sepanjang pelaksanaan skim ini, sebanyak 2,748 pemeriksaan telah dijalankan ke atas premis perniagaan di seluruh negara merangkumi premis runcit, borong dan pengeluar. Daripada jumlah pemeriksaan tersebut, tindakan undang-undang yang telah dikenakan ke atas peniaga yang gagal mematuhi sepenuhnya perundangan yang ditetapkan. Sebanyak 74 kes gagal menggunakan tanda harga khas merah jambu dan 1 kes tiada tanda harga telah dihasilkan melibatkan nilai kompaun sebanyak RM8,600.00. Tiada kes melibatkan penjualan melebihi harga yang ditetapkan dikesan sepanjang tempoh tersebut.

Kementerian tidak menerima sebarang aduan semasa pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2024. Majoriti peniaga yang diperiksa komited serta mematuhi perundangan harga maksimum yang berkuatkuasa sepanjang pelaksanaan skim ini. KPDN juga ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta agensi di bawahnya, pihak industri dan keseluruhan peniaga atas komitmen serta kerjasama dalam menjayakan pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2024.

Berdasarkan pemantauan dan penguatkuasaan KPDN serta maklum balas orang ramai, pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Krismas 2024 telah berjalan dengan baik dan lancar.

**DATUK AZMAN BIN ADAM**

Ketua Pengarah Penguat Kuasa  
Bahagian Penguat Kuasa  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Kos Sara Hidup.

Putrajaya,  
30 Disember 2024.